



AUPF 2013

Himpunkan Pemimpin Universiti Asia

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) buat julung kalinya menjadi tuan rumah bagi Forum Presiden Universiti Asia (AUPF) 2013 yang menghimpunkan 67 presiden dan wakil institusi pengajian tinggi dari 22 negara Asia bermula 6-9 Oktober 2013. Forum yang penuh prestij itu dirasmikan oleh Menteri Pendidikan II, YB Datuk Seri Idris Jusoh dan mantan Perdana Menteri, YABhg. Tun Dr Mahathir Mohamad turut hadir menyampaikan ucapan. Forum kali ke-12 itu dianjurkan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan kerjasama Malaysian Higher Education Leadership Academy (AKEPT).

Forum bertemakan 'Kepimpinan dalam Transformasi Asia: Peluang dan Cabaran' itu berlangsung di dua lokasi iaitu di Resorts World Langkawi dan UniMAP. Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin berkata sempena forum itu, para peserta dibawa meninjau kemudahan di kampus UniMAP selain keindahan alam negeri Perlis dan budaya masyarakatnya. Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin yang juga Pengerusi AUPF 2013 berkata, antara tumpuan yang diharapkan pada forum kali ini adalah penawaran kepakaran teknologi nano, teknologi hijau dan pertukaran pelajar membabitkan universiti seluruh Asia.

Para delegasi turut diraikan dalam majlis makan malam di Langkawi dengan Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail selaku Canselor UniMAP dan Raja Puan Muda Perlis Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil turut berangkat hadir menyeronokkan majlis.



2th ASIAN UNIVERSITY PRESIDENTS FORUM

Leaders in the Transformation of Asia: Opportunities and Challenges



12th ASIAN UNIVERSITY PRESIDENTS FORUM
7th October, 2013
Putrajaya, Malaysia/Perlis, Malaysia

